



Perjumpaan yang dianjurkan oleh PAS untuk mengkaji Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam 1960 telah sebulat suara mengambil keputusan menuntut supaya kerajaan Singapura menarik balik Rang Undang-undang itu untuk disemak semula oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan dengan melantik suatu jawatankuasa kecil terdiri daripada ulama-ulama majlis itu dengan menjemput beberapa orang ulama lain yang bukan ahli majlis itu untuk mengkajinya. Setelah masak kajiannya diserahkan semula kepada Majlis Islam Penasihat Kerajaan dan setelah semuanya bersetuju maka baharulah diserahkan kepada Dewan Undangan untuk diserahkan kepada am mengkajinya sebelum diperundang-undangkan. Keputusan ini bagus dan bertolak ansur adakah ia akan diterima? Inilah menjadi soalan sekarang.

\* \* \*

Dua hari sesudah keputusan itu tersiar maka Peguam Agung Negara telah mengeluarkan satu kenyataan kepada akhbar menuduh keputusan badan-badan Islam sebagai menuntut supaya undang-undang itu jangan diadakan. Kenyataan itu salin tak tumpah seperti ucapan Tuan Ya'acob Mohamed Menteri Muda Pembangunan di majlis perjumpaan anjuran PAS itu. Orang-orang garu kepala dan tertanya-tanya apakah Peguam Agung ini menyedari apa keputusan itu? Adakah ia hanya dengar-dengar lalu buat kenyataan kerana tidak munasabah sama sekali keputusan itu ada bertujuan menolak diadakan undang-undang untuk orang

Islam. Kalau seperti ini daripada Peguam Agung Negara susah bung!

\* \* \*

Orang-orang tertanya-tanya pula tentang hal Peguam Agung Negara itu. Kalau ia tahu kandungan tujuan usul perjumpaan badan-badan Muslimin dan disengaja dibuat tidak tahu – ertinya langkah itu boleh dipandang orang sebagai perbuatan sehingga mengeruhkan suasana. Kalau keadaan ini begini apakah yang dapat diharap? *Wallāhu a'lam*.

\* \* \*

Akhbar Melayu, bertulis Melayu di Kuala Lumpur, dalam rencana pengarangnya telah menyebut keputusan perjumpaan badan-badan Islam menghadapi Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam 1960 itu dikatakannya ia menghendaki supaya pakar-pakar agama mengemukakan pendapatnya kepada *Select Committee* – tidak bercakap-cakap sahaja seperti di perjumpaan itu dengan tidak menerangkan kemusykilan-kemusykilan yang ada dalam Rang Undang-undang itu. Suara ini seakan-akan suara Tuan Ya'acob Mohamed, bung! Orang yang datang ke situ sudah pun mengkajinya dengan mendalam tetapi kerana mendapati terlampau banyak yang hendak diminta pinda maka tidakkah lebih baik diserahkan kepada ahlinya, pada tempat asalnya supaya mereka melantik ulama dan ahli-ahlinya mengkajinya supaya jangan Rang Undang-undang itu kelak seperti pernah dikatakan oRang Undang-undang Kristian berbungkus Islam. Apakah akhbar ini baharu sedar sekarang? Bukan buang pendapat-pendapat orang – baharu menulis rencana supaya jangan dikatakan orang awak berperdirian kerana sesuatu sebab melemahkan gigi daripada lidahnya.

\* \* \*

Pak Abu sebagai orang bermimpi mengatakan perjumpaan badan-badan Islam menghendaki Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam 1960 ditarik balik. Nampaknya Pak Abu telah termasuk kepada orang-orang yang dikelirukan oleh kenyataan Peguam Agung Negara Singapura – kasihan!

## **Jamiyyah menyokong penuh keputusan**

**100 badan-badan Melayu dan Islam**

Jawatankuasa kecil *Jam'iyah al-Da'wah al-Islamiyyah*

(Persekutuan Seruan Islam) yang ditugaskan untuk mengkaji Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam dalam mesyuaratnya pada 17 April 1961 yang lalu telah mengambil keputusan menyokong keputusan badan-badan Melayu dan Islam, yang mendesak kerajaan menarik balik Rang Undang-undang itu untuk dikaji semasak-masaknya oleh alim ulama.

Seyogianya disebut jawatankuasa kecil *Jamiyyah* bagi mengkaji Rang Undang-undang Islam ini adalah terdiri daripada delapan orang iaitu Datuk Syed Ibrahim al-Sagoff, A. Ahmad bin Mohamed Ibrahim, Syed Ali Redha, Syed Abdullah Bilfaqih (keempat-empatnya ahli Majlis Penasihat Islam), Syed Ahmad Dahlan, Syed Abdullah al-Edrus, Ustaz Jailani Imam dan Tuan Haji Wanjur Abu Bakar.

(Sekalian anggota jawatankuasa yang tersebut telah hadir pada hari itu kecuali Datuk Syed Ibrahim, A. Ahmad Ibrahim, dan Syed Ali Redha).

*Jamiyyah* juga telah menjemput ahli-ahli agama selain daripada anggota jawatankuasa itu untuk memberi fikiran terhadap Rang Undang-undang tersebut. Tiga di antaranya yang telah turut hadir pada hari itu ialah ahli Majlis Penasihat Islam iaitu Tuan Haji Ali Bin Haji Muhammad Said Saleh, Ustaz Ahmad Sonhadji dan Sheikh Abdullah Basmeh.

Menurut keterangan pengerusi, Ustaz Ahmad Jailani Imam, bahawa jawatankuasa *Jamiyyah* baharu mengkaji sebanyak 62 fasal dari seluruh Rang Undang-undang itu yang berjumlah 144 fasal dan banyaklah pindaan yang telah

dibuat dalam tiap-tiap fasal yang didapati bertentang dengan hukum Islam.

Akhirnya mesyuarat bersetuju menyokong penuh keputusan 100 badan Melayu dan Islam yang menuntut supaya kerajaan menarik balik Rang Undang-undang untuk dikaji dengan semasak-masaknya oleh alim ulama dari Majlis Penasihat Islam dan alim-ulama yang bukan ahli majlis itu.

Usul ini telah dikemukakan oleh Ustaz Ahmad Sonhadji dan disokong oleh Ustaz Syed Ahmad Dahlan.

---

## **Kopi Pahit**

### **Sambungan dari muka 2**

Bekas rakan sejawat kita yang telah jadi orang terkemuka PETIR, Encik Bahrudin Arif telah kembali ke rahmatullah Ta'ala pada pagi 20 April 1961. Ruangan ini mengucapkan *'innā lillāhi wa innā ilaihi rāji'ūn*, sambil berdoa semoga kepadanya diberikan Tuhan kebahagiaan. Tatkala dikebumikan banyak orang menghantamnya termasuk kenalan-kenalannya daripada orang-orang yang bukan Islam. Dengan kehadiran mereka maka ramailah di perkuburan itu dan kerana tidak tahu banyaklah tempat-tempat kubur orang yang dilangkah dan diduduki di tengah-tengahnya. Begitulah nasibnya orang di dalam kubur kerana tidak berdaya menolak tetapi apakah pula akan begitu nasibnya orang yang di luar kubur? *Wallāhu a'lam!*

\* \* \*

Apabila PAS meminta untuk menggunakan rumah *Jamiyyah* untuk menjemput badan-badan Islam merundingkan Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam 1961, *Jamiyyah* menolak. Tetapi pada 16 April Parti Rakyat telah mengadakan mesyuarat agungnya di rumah *Jamiyyah*. Orang-orang bertanya apa kerana sama-sama Islam ditolak – parti yang bukan berdasarkan Islam diterima. Apakah ini ada apa-apanya? Kalau mau tahu apa yang ada di dalamnya tanya sama

– Cemeti al-Farouk